



MUKTAMADKAN SEGERA GARIS PANDUAN
PENGLIBATAN ORANG ISLAM DALAM
PERAYAAN AGAMA LAIN – EXCO AGAMA

Buletin بوتقة دارالنعيم

MINGGUAN

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | SYAWAL 1446H | 20-25 APRIL 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

THINK TANK GROUP - KUMPUL
PAKAR BANGUNKAN EKONOMI
KELANTAN

KELANTAN TUBUH MAJLIS
PEMBANGUNAN HALAL NEGERI
KELANTAN

PUSAT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN
PEMACU TRANSFORMASI SEKTOR
PERTANIAN DAN PENTERNAKAN KELANTAN

SULTAN KELANTAN TITAH FOKUS PEMBANGUNAN INKLUSIF, TANGANI BANJIR DAN PERKUKUH KESELAMATAN SEMPADAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 21 April

– Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V menitahkan agar segala usaha pembangunan di negeri Kelantan dirangka secara lebih inklusif dan mampan, dengan memberi penekanan terhadap isu banjir, pemerkasaan ekonomi tempatan dan keselamatan sempadan.

“Pembangunan yang bersifat menyeluruh dan lestari mesti menjadi asas utama dalam dasar negeri,” titah baginda semasa Majlis Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan ke-15 yang berlangsung di Kota Darulnaim, hari ini.

Baginda menekankan keperluan segera untuk menyegearkan pelaksanaan Projek Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan dan Sungai Golok, termasuk pembinaan Empangan Lebir yang dikenal pasti sebagai penyelesaian utama mengatasi bencana banjir berulang di negeri ini.

“Beta menggesa projek Lem-



bang Sungai Bersepadu Sungai Kelantan dan Sungai Golok dapat disegerakan bagi semua fasa untuk mengatasi isu banjir di negeri ini.

“Keutamaan harus diberikan kepada pembinaan Empangan Lebir, yang menjadi keperluan mendesak dalam mengatasi isu banjir di Kelantan,” titah baginda.

Dalam perkembangan berkaitan, baginda turut menzhahirkan keimbangan terhadap tahap keselamatan di sempadan Malaysia-Thailand, khususnya di kawasan Sungai Golok.

“Cadangan pembinaan tembok

dan zon penampang di kawasan Sungai Golok perlu dimuktamadkan dengan segera,” titah baginda.

Sultan Muhammad V turut menyatakan sokongan terhadap kerjasama erat antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dalam usaha pembangunan infrastruktur, optimasi tanah, pertanian dan pemeliharaan biodiversiti.

“Kerjasama strategik antara kedua-dua pihak ini penting demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negeri,” titah baginda.

Dalam konteks pembangunan

“

Beta menggesa projek Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kelantan dan Sungai Golok dapat disegerakan bagi semua fasa untuk mengatasi isu banjir di negeri ini,”

ekonomi, baginda menyeru agar pelaksanaan Rolling Plan Pertama Rancangan Malaysia Ke-13 (RP1 RMK13) memberi tumpuan kepada sektor pembuatan bagi menarik pelaburan, di samping memantapkan jaringan jalan raya, penyediaan bekalan air bersih, pembangunan pertanian dan pelancongan.

Baginda turut menyarankan agar Kerajaan Negeri meneliti potensi pendidikan alternatif, terutamanya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang seajar dengan keperluan industri semasa.



THINK TANK GROUP - KUMPUL PAKAR BANGUNKAN EKONOMI KELANTAN

Oleh: Asyura Muhamad

KOTA DARULNAIM, 23

April – Kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) sedang dalam proses untuk mengemaskini Ahli Majlis Penasihat Ekonomi Negeri (MAPEN) sebagai suatu Think Tank Group yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi yang akan dipengerusikan oleh Menteri Besar.

“MAPEN ditubuhkan sebagai satu badan bagi mendapatkan nasihat pakar-pakar ekonomi dalam pelbagai bidang mengenai dasar, strategi serta program ekonomi dan pembangunan.”

Demikian menurut Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nasuruddin Daud ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Pasir YB Tuan Mohamad Nasriff Daud dalam Persidangan Dewan Negeri Kelantan Penggal ke-15, hari ini.

Jelas beliau lagi, kerajaan negeri



sentiasa mengamalkan keterbukaan dalam menerima pandangan yang berasas daripada pakar dan golongan profesional melalui pelbagai saluran termasuk sesi kunjungan hormat dan kunjungan khas secara rasmi.

Katanya, setiap buah fikiran yang dikemukakan akan diteliti dan dibincangkan bersama jabatan dan agensi yang berkaitan sebagai asas penambahbaikan dalam pelaksanaan dasar dan pembangunan negeri.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan daripada ADN Pengkalan Pasir, Menteri Besar memaklumkan terdapat enam objektif

utama penubuhan MAPEN iaitu pertama untuk merangka transformasi ekonomi negeri berasas Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).

“Seterusnya yang kedua, ialah menyediakan perspektif yang mantap dalam menggerakkan negeri daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Ketiga, ialah memberi pandangan yang jelas kepada pihak kerajaan dalam mengurus sumber negeri bagi memantapkan hasil dan juga kewangan negeri,” katanya.

Tambahnya lagi, objektif penubuhan MAPEN yang keempat

adalah untuk memberi pandangan yang jelas tentang kedudukan strategik negeri dalam ekonomi tempatan dan global. Manakala, yang ke lima ialah bertindak sebagai badan yang merapatkan jurang sektor awam dan swasta untuk mewujudkan perkongsian awam dan swasta yang baharu dalam meningkatkan kerjasama dan daya saing di peringkat global.

Jelasnya lagi, untuk objektif terakhir iaitu yang ke enam, ialah menyedia panduan arah dan strategi pelaksanaan transformasi bagi memastikan bahawa cadangan-ca-dangan boleh dilaksanakan dengan berkesan di semua peringkat.

KELANTAN LULUS TENEMEN MINERAL PMBK, SEDIA DERAF MAJLIS MINERAL NEGERI



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 24 April – Perkembangan industri unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) di Kelantan memasuki fasa baharu apabila Pihak Berkuasa Negeri meluluskan permohonan Tenemen Mineral Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) bagi pelaksanaan perlombongan sumber mineral strategik tersebut.

Timbalan Menteri Besar Kelan-

tan YB Dato’ Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata, kerajaan negeri turut meneliti potensi penubuhan kilang pemprosesan NR-REE sebagai langkah memperkuuh rantai nilai industri berkenaan di negeri ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Ahli Dewan Negeri Mengkebang YB Zubir Abu Bakar yang meminta penjelasan berhubung perkembangan terkini industri nadir bumi serta status

pelarasan di bawah Empat Kerajaan Negeri (SG4) dan penubuhan Majlis Mineral Negeri dalam sesi Persidangan Dewan Negeri Kelantan Penggal ke-15, hari ketiga, hari ini.

“Sebagai langkah strategik, kerajaan negeri telah melaksanakan pelarasan sumber dan pendapatan baharu melalui penyediaan Pelan Induk Pembangunan Industri NR-REE SG4 serta penubuhan Jawatankuasa Kerja NR-REE,”

jelasnya.

Menurut beliau, pelan pembangunan itu turut merangkumi semakan dan penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) bagi aktiviti persampelan dan perlombongan, lawatan kerja teknikal untuk menilai potensi kawasan pembangunan, serta sesi libat urus dan rundingan bersama pelabur serta pemain industri.

Tambahnya, penubuhan Majlis Mineral Negeri kini berada di peringkat penyediaan draf, dan dijangka menjadi salah satu tonggak penting dalam pengurusan lestari sumber mineral negeri.

Untuk rekod, Kelantan dianggarkan mempunyai rizab NR-REE sebanyak 2.56 juta tan, dengan nilai pasaran mencecah RM125 bilion. Antara kawasan yang dikenal pasti berpotensi tinggi ialah jajahan Gua Musang, Jeli, dan Tanah Merah.

MUKTAMADKAN SEGERA GARIS PANDUAN PENGLIBATAN ORANG ISLAM DALAM PERAYAAN AGAMA LAIN – EXCO AGAMA



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 23 April – Kerajaan Negeri Kelantan mengesyorkan supaya pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) segera memuktamadkan garis panduan penglibatan orang Islam dalam perayaan agama selain Islam.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, YB Mohd Asri Mat

Daud berkata, memuktamadkan garis panduan tersebut amat penting dan bukan perkara kecil.

“Di peringkat kerajaan Negeri Kelantan, sekiranya ada cadangan pemberian, insya-Allah ia akan diteliti dan bersedia untuk memperbaharui apa-apa yang berkaitan dengan garis panduan ini.”

Beliau berkata demikian ketika membuat penggulungan perbahasan tuntas titah ucapan perasmian Pembu-

kaan Persidangan Kali Yang Pertama Dewan Negeri Kelantan Yang Ketiga, Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas, hari ini.

Mengulas mengenai penglibatan orang Islam dan bukan Islam dalam upacara perasmian keagamaan, YB Mohd Asri menjelaskan bahawa Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa orang bukan Islam hendaklah ditegah dan tidak dibenarkan melibatkan diri dalam urusan keagamaan Islam seperti merasmikan pembukaan rumah ibadah orang Islam dan sebagainya yang berkaitan dengan agama Islam.

“Bagi pembesar-pembesar Islam pula, mereka tidak boleh merasmikan pembukaan rumah ibadah bukan Islam kecuali jika difikirkan tidak berbuat demikian akan mendatangkan perpecahan dan permasalahan kaum tetapi dengan syarat tidak menyertai upacara ibadat mereka,” jelasnya.

Menurutnya lagi, berdasarkan keputusan fatwa tersebut, pihak berkuasa agama negeri disyorkan supaya memberi nasihat kepada mana-mana pengajur supaya tidak melibatkan orang Islam dalam merasmikan upacara keagamaan Islam dan begitulah sebaliknya.

Ujar beliau lagi, JAKIM melalui Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan kali ke-68 yang bersidang pada 12 April 2025 telah menyatakan bahawa majlis yang hendak dihadiri tersebut tidak menjelaskan akidah Islam, tidak bertentangan dengan hukum syarak, tidak bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam serta tidak menyentuh sensitiviti masyarakat Islam.

“Oleh itu pihak pengajur dan orang ramai hendaklah mendapat pandangan dari pihak berkuasa agama sebelum menganjurkan atau menghadiri majlis perayaan agama selain Islam,” ujarnya

SISTEM ETANAH MUDAHKAN ORANG AWAM BERURUSAN PERIHAL TANAH

Oleh: Che Maziah Mat

KOTA BHARU, 24 April – Menurut Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat, bagi mentransformasikan semua urusan pentadbiran tanah kepada eGoverment atau Kerajaan Elektronik selaras dengan Transformasi Digital Negara, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif sistem eTanah.

Katanya, tujuan utama pembangunan sistem ini adalah untuk mempercepatkan proses urusan tanah oleh Kerajaan Negeri agar dapat mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian kepada pelanggan dan orang awam dalam era teknologi semasa.

“Pejabat Tanah Galian (PTG) dengan kerjasama Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri dan Bahagian Undang-Undang, Pejabat Setiausaha Negeri Kelantan kini masih dalam proses semakan Perjanjian Konsesi eTanah bersa-



ma Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri.

Bagaimanapun dalam hal ini, kerajaan negeri telah meluluskan pelaksanaan Sistem eTanah Negeri Kelantan dalam Persidangan MMK Kali -11/2024 bertarikh 12 Jun, 2024,” jelasnya pada Persidangan Kali Yang Pertama Bagi Tempoh Penggal Ketiga Dewan Negeri Kelantan, hari ini.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan daripada Ahli Dewan Negeri (ADN) Melor YB Tuan Wan Rohimi Wan Daud, bagaimanakah kerajaan negeri dapat memastikan

golongan B40 dan penduduk luar bandar mendapat manfaat secara langsung daripada inisiatif pendigitalan pentadbiran tanah.

Jelasnya, golongan B40 dan penduduk luar bandar akan sentiasa menjadi keutamaan dengan memastikan mereka ini mendapat manfaat secara langsung daripada inisiatif pendigitalan E tanah kerana banyak faedah yang terdapat dalam sistem ini.

“Antara faedah diperolehi adalah memudahkan orang awam berurus dengan Pejabat Tanah melalui kaunter berpusat yang menyediakan

pelbagai kemudahan urusan tanah dalam satu kaunter, selain mempercepatkan proses urusan tanah dan capaian maklumat oleh pelanggan tanpa mengabaikan aspek keselamatan,” katanya.

Selain itu, katanya, turut disediakan ialah Portal Awam untuk permohonan dan semakan secara dalam talian bagi urusan semakan status permohonan melalui nombor resit, permohonan secara dalam talian untuk urusan seperti Strata, Consent dan Lelong serta membuat carian persendirian secara dalam talian dapat dibuat.

KELANTAN TUBUH MAJLIS PEMBANGUNAN HALAL NEGERI KELANTAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 20 April – Kerajaan Negeri Kelantan melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan penubuhan Majlis Pembangunan Halal Negeri Kelantan bagi tahun ini.

Penubuhannya ialah sebagai langkah menyelaras pembangunan industri halal bersama rakan strategik dan menjayakan agenda industri halal negeri.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, sebuah jawatankuasa induk telah dibentuk dan mesyuarat pertama dijangka diadakan pada April.

“Jawatankuasa induk bagi Majlis Pembangunan Halal ini baru sahaja dibentuk dan akan mengadakan mesyuarat sulung dalam masa terdekat.

“Tujuan utama penubuhan majlis ini adalah bagi menyelaraskan segala perbincangan, kajian serta penyelidikan berkaitan halal termasuk logo dan pensijilan halal,”



jelasnya.

Menurutnya lagi, kerjasama strategik akan dijalankan bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Halal Development Corporation (HDC), Pusat Halal KIAS (KIAS HAC), Pusat Halal JAHEAIK dan lain-lain agensi berkaitan dalam memperkuuh ekosistem halal di Kelantan.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Pusat Halal KIAS di Dewan Johor, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, hari ini.

Mengulas lanjut mengenai penubuhan pusat tersebut, YB Mohd Asri berkata, inisiatif itu akan

memperkemas dan menyusun strategi pembangunan industri halal dengan lebih sistematik dan berfokus.

“Pusat Halal KIAS bersama Pusat Halal JAHEAIK telah menjalankan kerjasama dalam aktiviti promosi, taklimat dan pendidikan kepada masyarakat berkenaan kepentingan industri halal.

“Kedua-dua pusat halal yang bernaung di bawah Kerajaan Negeri Kelantan ini berperanan sebagai konsultan percuma terbaik untuk para usahawan dan pemain industri mendapatkan maklumat, bimbingan dan khidmat nasihat berkenaan halal,” katanya.

Beliau turut menyatakan hara-

pan agar pihak KIAS melalui tenaga akademiknya dapat memainkan peranan sebagai ‘duta halal’ dalam memberikan kefahaman menyeluruh kepada masyarakat, khususnya kepada golongan usahawan agar mereka mengutamakan pemilikan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dalam urusan perniagaan masing-masing.

Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) Dato’ Sr. Zamri Ismail, Rektor KIAS Prof. Dr. Mazlan Ibrahim dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Halal JAHEAIK Anuar al-Sadat Noor.

INSENTIF KERAJAAN NEGERI LONJAK PELABURAN FIBER OPTIK DI KELANTAN



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 22 April – Langkah proaktif Kerajaan Negeri Kelantan menawarkan insentif pembangunan infrastruktur telekomunikasi diyakini mampu menarik pelaburan baharu dan mempersempatkan peluasan jaringan fiber optik sebagai tulang belakang kepada teknologi 5G di negeri ini.

Pendekatan tersebut diumumkan oleh Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat ketika men-

jawab soalan lisan Ahli Dewan Negeri (ADN) Melor YB Wan Rohimi Wan Daud dalam Persidangan Dewan Negeri Kelantan Penggal Ke-15, hari ini.

Menurut Dato’ Wan Roslan, kerajaan negeri amat menyedari keperluan penyediaan infrastruktur sokongan yang mampan bagi memperkasa jaringan internet berkelajuan tinggi, khususnya melalui teknologi fiber optik, memandangkan kebanyakan menara sedia ada tidak dapat menampung keperluan rangkaian 5G.

“Melalui pelaksanaan Enakmen Hak Akses dan Penggunaan Tanah Infrastruktur Utiliti Negeri Kelantan 2022, pelabur dan syarikat telekomunikasi diberi insentif pengurangan fi hak akses sebanyak 50 peratus, daripada RM10 kepada RM5 per meter.

“Kita turut memperkenalkan

kadar pajakan dan lesen pendudukan tanah secara bertingkat dan progresif, bagi merangsang lebih banyak pelaburan dalam tempoh terdekat,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau merangkkan bahawa struktur insentif tersebut melibatkan tiga fasa utama.

Fasa Pertama (tahun 1 – 3) melibatkan pajakan RM0.10 per meter sebulan.

Manakala lesen pendudukan tanah pula ialah sebanyak RM0.05 per meter sebulan.

Seterusnya, Fasa Kedua (tahun 4 – 6) menetapkan kadar pajakan RM0.05 per meter sebulan sementara lesen pendudukan tanah pula RM0.25 per meter sebulan.

Pada Fasa Ketiga (tahun ke-7 dan seterusnya), bayaran penuh dikenakan mengikut kadar Jadual 2 Kaedah-kaedah Hak Akses iaitu

RM100 per meter.

Tambahnya, pendekatan bertahap itu memberi ruang kepada syarikat untuk menyesuaikan pelaburan dan operasi mereka mengikut fasa pembangunan yang dirancang.

Sekali gus meningkatkan daya saing Kelantan sebagai hab digital yang inklusif.

“Ini adalah antara usaha menjayakan agenda Kelantan Digital 2025 dan kerajaan negeri berperanan sebagai pemudah cara, bukan sekadar pengawal selia,” jelasnya.

Beliau turut menegaskan, pelaksanaan infrastruktur fiber optik akan menjadi pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi digital, penyediaan bandar pintar, peningkatan sistem pendidikan, kesihatan dan kemudahan rakyat secara menyeluruh.

KES GEJALA SOSIAL PELAJAR YIK RENDAH BERBANDING SEKOLAH LAIN – EXCO PENDIDIKAN



Oleh: Asyura Muhamad

KOTA DARULNAIM, 23 April – Kes-kes gejala sosial dalam kalangan pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK) adalah sangat minima berbanding dengan sekolah-sekolah lain.

Ini adalah kerana Negeri Kelantan amat menitik beratkan pendidikan berteraskan Islam yang menjadi tunjang pembinaan sahsiah pelajar.

“Inilah kekuatan utama sistem

pendidikan di bawah seliaan YIK melalui pendekatan yang menekankan aspek tarbiah, penghayatan agama dan pembentukan akhlak.”

Demikian menurut Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat ketika membuat penggulungan perbahasan titah ucapan perasmian Pembukaan Persidangan Kali Yang Pertama Dewan Negeri Kelantan Yang Ketiga, Dewan Negeri Kelantan Yang Kelima Belas, hari

ini.

“Pelajar YIK keseluruhannya ada tujuh jenis aliran iaitu bermula dengan Maahad Tahfiz, Maahad Kawalan, Pengajian Pondok, Sekolah Menengah Ugama Arab (SMUA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Rendah Ugama (SRU) dan tadika.

Kesemuanya berjumlah 30,685 orang pelajar termasuk pelajar dari luar negeri. Jika dibandingkan dengan kadar kelahiran Kelantan iaitu 30,000 bagi setiap peringkat iai-

tu dari darjah 1 hingga 6 dan dari tingkatan 1 hingga 6 yang menjadikan jumlah keseluruhannya adalah kira-kira 360,000 pelajar, peratusan pelajar yang bersekolah YIK hanyalah 8.5 peratus sahaja,” jelasnya.

Namun begitu, katanya, pelajar YIK dapat mendominasi pelajar terbaik di seluruh negara dengan pencapaian 20A, 18A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan juga cemerlang dalam kokurikulum dengan sering kali menjuarai kejohanan sukan di sekolah-sekolah agama di seluruh Malaysia.

Mengulas berkenaan isu gejala sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar YIK, kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk melakukan yang terbaik, contohnya melaksanakan Dasar Pendidikan Rabbani (DPRK) dalam kalangan pelajar YIK yang menerapkan pendidikan berdasarkan ketuhanan sekaligus menjadikan pelajar terdidik dengan akhlak mulia.

JARINGAN MAHABBAH SATUKAN AGENSI PENERANGAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

Oleh: Asyura Muhamad

KOTA DARULNAIM, 22 April – Satu kertas cadangan Jaringan Mahabbah Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan dan Persekutuan telah dibuat dan dikemukakan kepada Menteri Komunikasi, YB Datuk Fahmi Fadzil dalam kunjungan hormat ke pejabat beliau di Putrajaya pada 5 Ogos yang lalu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh EXCO Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Negeri Kelantan YB Mohd Asri Mat Daud ketika menjawab soalan lisan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Kuala Balah YB Dato’ Abdul Hadi Awang Kechil dalam Persidangan Dewan Negeri Kelantan Penggal ke-15, hari ini.

Jelas beliau, antara perkara yang dibincangkan dalam pertemuan tersebut, pertama ialah untuk mewujudkan jaringan mahabbah dan professional penerangan melalui hubungan dua hala agensi pen-



erangan Persekutuan dan Negeri.

“Kedua mewujudkan sinergi perkongsian kepakaran melalui bengkel, mesyuarat, pengajuran program bersama dalam aktiviti sosial yang melibatkan kedua-dua pihak dan seterusnya memohon agar diberi ruang media dan liputan radio serta televisyen kepada pimpinan kerajaan negeri terutamanya melibatkan YAB Menteri Besar Kelantan untuk bersiaran sama ada secara langsung atau rakaman di platform penerangan Persekutuan,”

katanya.

Tambahnya, hasil hubungan federalisme itu, YAB Menteri Besar Kelantan telah bersiaran di Radio Kelantan sempena sambutan Hari kemerdekaan yang lalu dan insya-Allah akan diteruskan pada program-program yang lain.

Beliau yang juga ADN Demit berkata, setiap tahun, kerajaan negeri melalui Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) akan mengadakan malam bersama media yang bertujuan

menghimpun dan meraikan petugas-petugas media arus perdana dan negeri selain membuka ruang komunikasi dua hala bagi menyampaikan maklumat semasa.

“Pada 12 Februari 2025 yang lalu, program jalinan mahabbah raka-rakan media bersama pimpinan Kerajaan negeri telah berjaya menghimpunkan seramai 72 orang petugas media termasuk yang datang dari luar Kelantan seperti Pengurus Besar dan Pengurus Operasi Manis FM, Pengarang Sinar Harian dari Shah Alam, Eksekutif Pemasaran Media Prima dan Ketua Bahagian Berita IKIM FM,” ujarnya.

Katanya lagi, Kerajaan Negeri Kelantan melalui UPKN telah bersetuju untuk menganjurkan program sempena sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) yang disambut pada setiap 29 Mei untuk diadakan program secara yang sama secara besar-besaran dengan kerjasama Kelab Media Kelantan Darulnaim (Kemudi) bertempat di Kuala Lumpur pada Mei nanti.

PUSAT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN PEMACU TRANSFORMASI SEKTOR PERTANIAN DAN PENTERNAKAN KELANTAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 22 April

– Kerajaan Negeri Kelantan terus mengorak langkah strategik dengan membina pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) khusus dalam bidang pertanian dan penernakkan sebagai usaha memperkuuh daya saing sektor tersebut di peringkat nasional.

Tiga pusat utama sedang digerakkan iaitu Kelantan BioArt Centre di Jeram Pasu, Organic Research Centre di Labok, dan pembangunan pertanian serta penernakkan

berskala besar di Rong Chenok Agro Valley di Pasir Mas.

Menurut Exco Pertanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, kewujudan pusat-pusat tersebut berperanan sebagai nadi penyelidikan, inovasi serta pengembangan teknologi kepada para petani dan penternak di Kelantan.

“Kelantan BioArt Centre dibangunkan khusus sebagai pusat R&D biak baka ternakan ruminan berkualiti, manakala Organic Re-

search Centre di Labok menjadi rujukan utama pembangunan produk organik dan amalan pertanian mampan,” katanya dalam Persidangan Dewan Negeri Kelantan Penggal ke-15, hari ini.

Tambahnya, Rong Chenok Agro Valley pula dibangunkan sebagai kawasan integrasi pertanian dan penernakkan, lengkap dengan kemudahan agro pelancongan dan projek berskala besar seperti penernakkan ayam, akuakultur serta pertanian moden termasuk hidroponik dan fertigasi.

“Ketiga-tiga pusat ini bukan sahaja bertindak sebagai fasilitator inovasi, bahkan berfungsi sebagai pusat latihan, demonstrasi teknologi, dan pengembangan industri agro yang lebih sistematik serta menjana peluang ekonomi baharu kepada penduduk setempat,” katanya.

Jelas beliau, langkah berkenan selaras dengan aspirasi menjadikan Kelantan sebagai jelapang makanan negara serta menyokong keterjaminan makanan jangka panjang.



NGO PENGGERAK BARISAN HADAPAN PERJUANG PELBAGAI ISU – YB ZAMAKHSHARI

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 20 April

– Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bukan sekadar gerakan sukarela, sebaliknya merupakan penggerak utama di barisan hadapan dalam menangani pelbagai isu kemasyarakatan, bantuan kemanusiaan dan pembangunan belia.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat, YB Zamakhshari Muhamad berkata peranan NGO semakin penting dalam menghadapi cabaran semasa seperti penularan gejala dadah dan jenayah seksual, khususnya kes cabul yang kian membimbangkan.

“NGO harus berani tampil menyatakan sokongan terhadap usaha menyelesaikan isu-isu kritikal ini.

“Jika ada idea, salurkan kepada kerajaan. Jika ada tenaga, hulurkan bantuan bagi menggerakkan inisiatif yang sedang dijalankan,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial pada Sabtu.

Terdahulu, beliau merasmikan majlis penutup Bengkel Pengu-



rusan NGO anjuran Urus Setia Belia dan Sukan Negeri Kelantan (U-BeS) yang diadakan di sebuah hotel di Tunjong.

Bengkel yang menghimpunkan seramai 300 peserta itu memberi pendedahan berkaitan tadbir urus, pengurusan kewangan serta halatuju strategik kepada NGO bagi memperkuuh peranan mereka dalam masyarakat.

Mengulas lanjut, YB Zamakhshari menegaskan bahawa NGO perlu beroperasi secara profesional, telus dan cekap agar terus relevan serta memberi impak berk-

esan kepada masyarakat.

“Semangat sahaja tidak mencukupi. Kita memerlukan perancangan rapi, strategi yang berkesan dan sistem pengurusan organisasi yang kukuh. In sya Allah, bengkel seperti ini mampu mempertingkat kefahaman serta kemahiran para penggerak NGO dalam melaksanakan tugas mereka secara berintegriti dan berdaya tahan,” ujarnya.

Beliau turut menyeru agar golongan belia mengambil peluang untuk terlibat secara aktif dalam kepimpinan NGO.

“Belia bukan sekadar pewaris

kepimpinan, malah merupakan rakan kongsi penting dalam meruskan legasi perjuangan. NGO adalah antara platform terbaik untuk mencungkil dan mengasah bakat kepimpinan mereka dalam masyarakat,” jelasnya.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memperkasa NGO melalui sokongan berbentuk latihan, pembiayaan serta kerjasama rentas agensi.

“Kita percaya, NGO yang kukuh dan berwibawa mampu mempercepat agenda pembangunan negeri secara lebih inklusif,” ujarnya.



KES GEJALA SOSIAL PELAJAR YIK RENDAH BERBANDING SEKOLAH LAIN – EXCO PENDIDIKAN

Buletin دارالنعيم

MINGGUAN

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | SYAWAL 1446H | 20-25 APRIL 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

KELANTAN TAWAN HATI ROMBONGAN AYER KUNING DENGAN KEUNIKAN PERPADUAN KAUM

Oleh: Shuhada Hadzri

KOTA BHARU, 20 April - 71 rombongan dari komuniti Cina Kampung Ayer Kuning, Perak melahirkan rasa teruja sepanjang menyertai lawatan ke Kelantan yang memberi mereka peluang merasai sendiri suasana kehidupan harmoni dan toleransi antara kaum di negeri ini.

Wakil rombongan, Chow Zhi Yeng, 26, menyifatkan lawatan tersebut sebagai satu pengalaman berharga yang membuka matanya tentang realiti sebenar kehidupan masyarakat berbilang kaum di Kelantan.

"Terus terang saya katakan, sebelum datang ke sini, saya sendiri tidak tahu bahawa di Kelantan, masyarakat bukan Islam masih boleh membeli daging khinzir secara terbuka, dan mereka yang bukan beragama Islam masih boleh mengambil minuman keras mengikut undang-undang yang sedia ada.

"Ini adalah sesuatu yang membuka mata saya tentang realiti keharmonian dan toleransi di negeri ini," katanya ketika taklimat bersama Kerajaan Negeri Kelantan dan jamuan makan tengahari di Kediaman Rasmi Menteri Besar Kelantan, hari ini.



Sementara itu, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, kerajaan negeri sentiasa memastikan semua kaum mendapat perhatian yang saksama menerusi pelbagai inisiatif.

Menurutnya, seramai 76 Penghulu Wakil Kaum telah dilantik di setiap DUN bagi mewakili suara pelbagai komuniti di negeri ini.

Tambahnya, bantuan kebajikan seperti Al-It'aam (sumbangan beras), sumbangan untuk anak muda Skim Az-Ziwaaj (bantuan perkahwinan), Skim Takaful Kifaalah (kematian) turut disediakan untuk

semua kaum tanpa mengira latar belakang agama atau bangsa.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kota Bharu Datuk Seri Takiyuddin Hassan turut berkongsi pandangan mengenai suasana perpaduan yang telah lama terbina di negeri ini.

Menurut beliau, walaupun Kelantan hanya mempunyai kira-kira 1.8 juta penduduk, negeri ini dihuni oleh pelbagai kaum termasuk Melayu, Cina, India, Siam, Sikh dan orang asli yang hidup dalam suasana saling memahami dan menghormati.

"Di Malaysia kita laungkan 1

Malaysia, tapi di Kelantan, kita hidup sebagai 1 Kelantan. Masyarakat di sini ibarat satu keluarga – makan bersama, bermiaga bersama dan berkongsi ruang hidup tanpa masalah," katanya.

"Minuman keras dan makanan seperti bak kut teh tetap dibenarkan, asalkan di tempat yang berlesen dan khas untuk mereka yang bukan Islam kerana itu semua adalah hak mereka," jelasnya.

Manakala Toh Tan Choon Boon, 17, yang juga pertama kali ke Kelantan, juga kagum melihat kepelbagaiannya budaya serta tempat-tempat menarik di sini.

NR-REE: KHAZANAH STRATEGIK EKONOMI KELANTAN – YB ZURAIDIN



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 22 April – Kepentingan pembangunan sumber mineral bukan radioaktif unsur nadir bumi (NR-REE) sebagai khazanah strategik ekonomi bagi Negeri Kelantan menjadi fokus Ahli

Dewan Negeri (ADN) Chetok, YB Zuraidin Abdullah ketika membawakan Titah Diraja sempena Persidangan Dewan Negeri Kelantan ke-15, hari ini.

Menurut YB Zuraidin, pembangunan industri NR-REE secara bersepada dan berteraskan prinsip kelestarian berpotensil besar menjana pendapatan negeri secara mampan dan berdaya saing dalam jangka masa panjang.

"NR-REE bukan sahaja mampu menjadi penyumbang utama kepada hasil negeri, malah dapat membuka peluang pekerjaan berimpak tinggi serta merangsang pertumbuhan industri hiliran yang bernilai tambah," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar satu kajian menyeluruh berkenaan potensi sebenar NR-REE di Kelantan dilaksanakan, di samping merangka pelan hala tuju pembangunan industri tersebut secara sistematis dan terancang.

"Kajian ini perlu meliputi aspek teknikal, ekonomi, alam sekitar dan sosial agar pembangunan NR-REE berlaku secara lestari serta selaras dengan kepentingan rakyat dan negeri," katanya.

YB Zuraidin turut menekankan keperluan kepada tadbir urus yang

cekap dan berintegriti, khususnya dalam pengurusan rantaian industri NR-REE dari peringkat huluan hingga hiliran.

"Peranan syarikat milik kerajaan negeri (GLC) wajar diperkasa kan agar dapat menjadi peneraju utama dalam keseluruhan ekosistem industri NR-REE di Kelantan," katanya lagi.

Beliau percaya, melalui kerangka perancangan yang menyeluruh dan sokongan semua pihak, industri NR-REE mampu menjadi pemangkin baharu kepada kekuatan ekonomi Kelantan yang lebih dinamik dan berdikari.